



**MEMORANDUM**  
**Jabatan Bendahari Negeri Sabah**  
**Tingkat 8-10, Blok A, Menara Kinabalu**  
**Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat**  
**88400 KOTA KINABALU**

Rujukan : JBNS : 100-4/7 Jld. 5 (54)

Tarikh : 24 Februari 2026

Kepada : **Semua Pegawai Jabatan Bendahari Negeri Sabah (JBNS)**

Ybhg. Datin/Tuan/Puan,

**PERINGATAN BERKAITAN KEMUDAHAN CUTI SAKIT DAN TINDAKAN KE ATAS  
PEGAWAI YANG MENGEMUKAKAN SIJIL CUTI SAKIT PALSU**

**1. TUJUAN**

- 1.1. Peringatan ini dikeluarkan bagi menegaskan arahan sedia ada dan meningkatkan kefahaman pegawai selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008) berkaitan penerimaan sijil sakit untuk tujuan kemudahan cuti sakit.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. PPPANS 2008 Bahagian IV memperuntukkan bahawa cuti atas sebab-sebab perubatan adalah diberikan oleh Ketua Jabatan atau Setiausaha Kerajaan Negeri bila seseorang pegawai itu disahkan oleh seorang Pegawai Perubatan atau oleh suatu Lembaga Perubatan sebagai tidak sihat untuk menjalankan tugasnya. Pengesahan itu hendaklah dibuat dengan mengeluarkan sijil sakit kepada pegawai itu.
- 2.2. Dalam Peraturan 160 PPPANS 2008 juga menegaskan Ketua Jabatan boleh menerima, **mengikut budi bicaranya sendiri**, sesuatu sijil sakit yang dikeluarkan oleh seorang doktor swasta tanpa sokongan dari seorang pegawai perubatan, apabila sijil sakit itu memberi cuti yang tidak melebihi dua hari yang berturut-turut sahaja.
- 2.3. Kemudahan cuti sakit boleh diluluskan dengan syarat seperti yang berikut:
  - a. Bagi pegawai yang menerima rawatan sebagai **pesakit luar**, sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta tanpa sokongan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan boleh diterima jika ia memberi jumlah cuti sakit yang tidak melebihi 15 hari dalam satu tahun kalendar; atau

**“SABAH MAJU JAYA”**

Rujukan : JBNS : 100-4/7 Jld. 5 (54)  
Tarikh : 24 Februari 2026

## **PERINGATAN BERKAITAN KEMUDAHAN CUTI SAKIT DAN TINDAKAN KE ATAS PEGAWAI YANG MENGEMUKAKAN SIJIL CUTI SAKIT PALSU**

---

- b. Bagi pegawai yang menerima rawatan sebagai **pesakit dalam** di hospital atau klinik swasta, sijil sakit yang dikeluarkan oleh doktor swasta tanpa sokongan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan boleh diterima jika ia memberi jumlah cuti sakit yang tidak melebihi 180 hari dalam sesuatu tahun kalendar; dan
- c. Jumlah cuti sakit sama ada berasaskan sijil sakit swasta atau sijil sakit kerajaan boleh diberikan adalah tidak melebihi 180 hari dalam sesuatu tahun kalendar, di mana 90 hari pertama boleh diluluskan oleh Ketua Jabatan dan 90 hari seterusnya hendaklah diluluskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri.

### **3. ARAHAN**

- 3.1. Semua pegawai dikehendaki mematuhi peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa termasuklah yang telah ditetapkan serta melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab, jujur dan tidak melanggar mana-mana peraturan yang sedang berkuatkuasa.
- 3.2. Pegawai yang sakit dan diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta akan diberi Sijil Cuti Sakit bagi tempoh tertentu. Sijil berkenaan boleh melayakkan pegawai mendapat kemudahan Cuti Sakit setelah dikemukakan kepada Ketua Jabatan.
- 3.3. Walaubagaimanapun, terdapat kecenderungan pegawai mengemukakan Sijil Cuti Sakit palsu atau meminda Sijil Cuti Sakit yang diperolehi. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datin/tuan/puan **diwajibkan mengemukakan Sijil Cuti Sakit asal sebaik sahaja kembali bertugas atau selewat-lewatnya dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja** semasa membuat permohonan. Sebarang salinan digital, fotostat atau sijil yang dikesan mempunyai pindaan tidak akan diterima.

**“SABAH MAJU JAYA”**

Rujukan : JBNS : 100-4/7 Jld. 5 (54)  
Tarikh : 24 Februari 2026

## **PERINGATAN BERKAITAN KEMUDAHAN CUTI SAKIT DAN TINDAKAN KE ATAS PEGAWAI YANG MENGEMUKAKAN SIJIL CUTI SAKIT PALSU**

---

- 3.4. Kegagalan mematuhi arahan ini atau mengemukakan sijil palsu boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil dibawah Peraturan 208 PPPANS 2008.
- 3.5. Pegawai yang tidak mengemukakan sijil cuti sakit dalam tempoh yang ditetapkan dianggap tidak hadir bertugas tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran boleh diambil tindakan dibawah Peraturan 231 PPPANS 2008.

### **4. TANGGUNGJAWAB KETUA BAHAGIAN/SEKSYEN**

- 4.1. Adalah diperuntukkan di bawah Peraturan 207 PPPANS 2008, Ketua Bahagian/Seksyen bertanggungjawab memastikan pemantauan terhadap tatakelakuan pegawai di bawah seliaan masing-masing dan mengambil tindakan sewajarnya sekiranya pelanggaran berlaku.

### **5. TARIKH KUATKUASA**

- 5.1. Arahan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian dan terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK MARY ANGELA SIPAUN C.A.(M), FCPA(AUST.), CPFA, ASEAN CPA)**  
Bendahari Negeri

**“SABAH MAJU JAYA”**